

## Konsesi Pharmaniaga dilanjut

**P**HARMANIAGA Bhd, syarikat dalam kumpulan UEM Group, memperoleh lanjutan konsesi berkaitan penswastaaan Makmal Perubatan dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tempoh 10 tahun lagi.

Lanjutan konsesi itu bergantung kepada terma dan syarat yang akan dirundingkan dalam tempoh enam bulan dari 1 Disember 2009, kata syarikat itu menerusi kenyataan semalam.

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Mohamad Abdullah, (**kanan**) berkata syarikat yakin akan menerima syarat dan terma baru bagi lanjutan tempoh konsesi itu.



"Kami yakin akan bersetuju dengan syarat dan terma baru bagi tempoh lanjutan konsesi itu dan kami diberi tempoh enam bulan untuk merundingkannya.

"Perjanjian itu secara prinsipnya untuk melanjutkan konsesi bagi tempoh 10 tahun lagi, yang bergantung kepada terma dan syarat yang akan dirundingkan dalam tempoh enam bulan dari 1 Disember 2009," katanya sambil menambah konsesi sedia ada sedang diteruskan pada terma semasa.

Beliau menambah, persetujuan kerajaan secara prinsipnya mengenai lanjutan itu menunjukkan keyakinannya terhadap syarikat.

Pharmaniaga terbabit dalam pengeluaran produk farmaseutikal generik, selain membekalkan kelengkapan perubatan dan hospital dan ia kini beroperasi di 38 lokasi di tiga negara iaitu di Malaysia, Indonesia dan Vietnam.

Date:

December 5, Saturday 2009

File:

Pharmaniaga